



TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN KERJA
RAYA
BAGI BULAN OKTOBER 2025**

**14 OKTOBER 2025 | SELASA
DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID**

<<< Salutati akan diberikan oleh Urusetia pada hari berkenaan>>>

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Segulai Sejalai.

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, marilah kita menzahirkan setinggi-tinggi kesyukuran kerana dapat kita berhimpun pada hari ini dalam Perhimpunan Bulanan Kementerian Kerja Raya bagi bulan Oktober 2025. Dan sebelum saya meneruskan ucapan, saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada kakitangan JKR, Allahyarham Mohd Hafizi Anuar yang terkorban dalam tragedi kemalangan di Plaza Tol Bukit Kajang. Saya difahamkan seorang lagi petugas JKR yang terlibat turut mengalami kecederaan dan kita berharap agar beliau diberi kesembuhan segera.

Hadirin yang dihormati,

2. Perhimpunan pada hari ini hadir dalam waktu yang amat penting - beberapa hari selepas pembentangan Belanjawan MADANI 2026 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri, merangkap Menteri Kewangan Dato' Seri Anwar Ibrahim Jumaat lalu di Parlimen.

PENGHARGAAN BELANJAWAN MADANI 2026

3. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Perdana Menteri atas keprihatinan dan keyakinan yang

diberikan kepada Kementerian Kerja Raya. Meskipun negara berhadapan dengan cabaran fiskal dan keperluan penstrukturan semula subsidi, kerajaan tetap mengekalkan fokus terhadap infrastruktur asas rakyat - jalan, jambatan, bangunan awam dan keselamatan cerun - semua ini merupakan tulang belakang kesejahteraan negara.

4. Jelas sekali, Belanjawan MADANI 2026 mengiktiraf peranan KKR sebagai pemudahcara pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Namun harus diingat, Belanjawan ini bukan sekadar perancangan tahun baru, ia menandakan permulaan kepada fasa pertama Rancangan Malaysia Ke-13, yakni permulaan kepada tanggungjawab besar yang bakal menguji daya tahan, integriti dan profesionalisme seluruh warga kementerian.

Hadirin yang dihormati sekalian,

SOROTAN UTAMA BAJET KKR 2026

5. Sebelum saya meneruskan ucapan, izinkan saya memetik kata-kata dan pesanan YAB Perdana Menteri dalam ucapannya sebelum ini : “Sekarang bukan masanya untuk kita melaksanakan projek Mega, sebaliknya pembangunan negara akan menumpukan kepada projek-projek berkepentingan rakyat terutama infrastruktur seperti jalan raya, perumahan mampu milik, sekolah, hospital dan kemudahan awam. Kita tidak mahu kita hanya ada gedung-gedung besar, projek-projek untuk

bermegah yang tidak ada manfaat secara langsung kepada rakyat selain daripada rakyat merasa kagum”.

6. Bagi tahun 2026, KKR diperuntukkan bajet yang signifikan iaitu sebanyak RM10.692 bilion, kenaikan 3.314 peratus berbanding tahun 2025 iaitu sebanyak RM10.34 bilion. Dari jumlah ini, sejumlah RM9.607 bilion akan digunakan bagi perbelanjaan pembangunan yang akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek pembangunan baharu serta kesinambungan projek infrastruktur sedia ada di seluruh negara.
7. Dan tentunya, inisiatif utama yang akan dilipatgandakan adalah peluasan Program MYJalan dengan pemerkasaan penyenggaraan Jalan Persekutuan di seluruh negara melalui melalui peruntukan sebanyak RM2.5 bilion.
8. Kita juga menghargai peningkatan peruntukan kepada kontraktor Bumiputera G1–G4 yang dinaikkan sebanyak 67% daripada RM450 juta kepada RM700 juta yang jelas memberi peluang kepada kontraktor kecil untuk menyertai kerja-kerja penyelenggaraan dan mengukuhkan rantai industri tempatan. Di samping itu, projek strategik seperti Pan Borneo Sabah, SSLR dan Lebuhraya Trans Borneo akan diteruskan, bersama beberapa projek penting di Semenanjung termasuk Juru–Sungai Dua, Masjid Tanah–Telok Gong, dan jejambat Batu 9 Cheras.

9. Secara keseluruhannya, Belanjawan MADANI 2026 memperlihatkan tekad kerajaan untuk menyeimbangkan pembangunan wilayah, memperkukuh keselamatan pengguna jalan raya, dan memastikan manfaat infrastruktur dirasakan rakyat di setiap pelosok tanah air seiring penekanan YAB PM dalam pembentangan Belanjawan 2026 - leave no one behind.

CABARAN PERMULAAN RMK-13

10. Kita sedang memasuki fasa pertama Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) — tempoh yang akan menentukan hala tuju pembangunan infrastruktur negara untuk sedekad akan datang. Cabaran yang menanti bukan kecil. Kita akan berdepan kekangan bajet, tekanan rakyat, perubahan iklim, dan transformasi teknologi yang pesat. Namun saya percaya, KKR mampu memimpin gelombang perubahan ini dengan syarat kita mempunyai sifat “frontier and adaptable to technology”, zest for continuous learning and improvement” dan tidak “denial syndrome”.
11. Permulaan RMK13 akan menjadi ujian sebenar keupayaan KKR menjadi kekal relevan dan ‘future-ready’ dalam menyeimbangkan antara tanggungjawab sosial dan kekangan kewangan negara. Kita perlu realistik — setiap ringgit peruntukan mesti membawa kesan maksimum.

12. Kini setiap projek perlu berasaskan impak, data dan akauntabiliti. Cabaran besar yang menanti termasuk :

- Ketidakseimbangan kualiti infrastruktur antara bandar dan luar bandar.
- Keterbatasan sumber kewangan untuk projek baharu.
- Keperluan mempercepat penyenggaraan tanpa menjejaskan kualiti.
- Isu kecekapan dan ketelusan dalam pengurusan projek serta rantai bekalan bahan binaan.

13. Saya mahu setiap Bahagian, Jabatan dan Agensi di bawah KKR bersiap sedia dengan pelan tindakan jelas. Tiada lagi alasan. Setiap keputusan mesti berasaskan data, fakta dan tanggungjawab. Kita semua mesti turun padang dan tidak hanya mengharapkan laporan tiba di meja tanpa pemeriksaan dan audit.

TEGURAN KETUA AUDIT NEGARA — PESANAN TEGAS

Hadirin sekalian,

14. Saya perlu menyentuh secara terus terang di sini. Laporan Ketua Audit Negara LKAN BIL 3/2025 baru-baru ini amat mengecewakan dan saya tidak mahu menutup mata.

15. Masih ada projek di bawah KKR dan agensinya yang lewat siap, ada yang tidak mematuhi spesifikasi, ada juga kelemahan dokumentasi dan pengawasan. Sebagai Menteri, saya menerima laporan itu dengan hati yang berat dan terbuka.
16. Ada kelemahan yang perlu diperbaiki segera — dari aspek pemantauan, kawalan kualiti, hinggalah ke disiplin pelaksanaan projek. Saya tidak akan menyapu perkara ini di bawah karpet. Teguran itu bukan hukuman, ia adalah cermin kejujuran institusi pengawasan negara.
17. Namun, jika kita terus mengulangi kesilapan sama, itu bukan lagi kelemahan sistem — itu adalah kegagalan manusia. Dan saya tidak akan berkompromi terhadap kegagalan yang berpunca daripada sikap sambil lewa, cuai atau tidak amanah. Mulai sekarang, saya mahu tindakan pembetulan dilakukan secara menyeluruh dan bertanggungjawab. Kita mesti berubah – bukan kerana takut ditegur, tetapi kerana kita tahu apa yang betul untuk rakyat.

PENCAPAIAN KKR

Hadirin sekalian,

18. ***Let us give credit where credit is due.*** Meskipun ada kelemahan yang perlu diperbaiki, namun ada pencapaian yang harus kita berikan pujian.
19. Sepanjang pelaksanaan RMK12, sektor pembinaan negara menunjukkan prestasi yang amat membanggakan — hampir 23 ribu projek bernilai lebih RM42 bilion telah dilaksanakan di seluruh negara. Kejayaan ini membuktikan bahawa KKR terus menjadi pemacu utama pembangunan dan kesejahteraan rakyat, selaras dengan semangat Malaysia MADANI.
20. Tahun 2025 juga menyaksikan kejayaan besar dalam reformasi kerenah birokrasi — daripada mempercepat bayaran kontraktor, memperkukuh penyenggaraan jalan G1–G4 bernilai RM450 juta, hinggalah meningkatkan ketelusan melalui penggunaan bon pelaksanaan dan sistem digital. Semua ini hasil kerja keras warga KKR di lapangan, yang terus berkhidmat tanpa mengenal waktu dan cuaca.
21. Kita juga memperkukuh kesiapsiagaan menghadapi bencana dengan sistem amaran awal cerun, memperkasa tenaga kerja melalui Pelan Strategik TVET Pembinaan 2026–2030, serta menegakkan integriti melalui Pensijilan ABMS ISO 37001:2025. Malah, kejayaan Unit Komunikasi Korporat

menerima Anugerah Platinum Pengurusan Aduan turut menyerlahkan budaya kerja berprestasi tinggi warga KKR.

22. Harapan saya, semoga kejayaan ini dapat dilipatgandakan di masa akan datang dan kita tidak cepat berpuas hati dengan apa yang telah dicapai. *There's always room for improvement.*

KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI BENCANA

23. Dalam berhadapan dengan keadaan cuaca yang tidak menentu pada ketika ini dengan jangkaan Monsun Timur Laut dijangka bermula 5 November 2025 hingga Mac 2026, saya telah mengarahkan kementerian amnya dan JKR khususnya untuk bersiap siaga.
24. Dengan jangkaan lima hingga tujuh episod hujan lebat akan berlaku, JKR Malaysia telah memasang 73 stesen tolok hujan, 3 Robotic Total Station (RTS) dan 1 unit GNSS untuk memantau cerun berisiko.
25. Berdasarkan data yang diperolehi daripada Sistem Amaran Awal, Cawangan Kejuruteraan Cerun, JKR Malaysia akan menyalurkan amaran awal kepada JKR Daerah dan Negeri mengikut tahap sama ada tahap berjaga - jaga, amaran, atau bahaya. Tindakan pantas, koordinasi, dan kesiapsiagaan adalah tanggungjawab bersama untuk melindungi nyawa, harta benda, dan infrastruktur.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati,

26. Sebelum saya mengakhiri ucapan, tidak terlalu awal kiranya untuk saya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada seluruh warga KKR dan rakyat Malaysia yang akan meraikannya tidak lama lagi. Semoga cahaya dan keberkatan Deepavali menerangi kehidupan kita, membawa keamanan, kegembiraan, dan kesejahteraan yang berpanjangan.
27. Sekali lagi ingin saya tekankan, KKR bukan sekadar jabatan teknikal. Kita adalah **denyut nadi negara**. Tanpa jalan, ekonomi tidak bergerak. Tanpa jambatan, rakyat terpisah. Tanpa bangunan awam, harapan rakyat terhenti.
28. Maka setiap kerja kita adalah **ibadah, bukan rutin**. Setiap keputusan mesti dibuat dengan **tanggungjawab dan keikhlasan**.
29. Saya mahu kita bangkit dengan semangat baru. Biar bajet kita kecil, tapi **jiwa kita besar**. Biar masa kita terhad, tapi **hasil kita luar biasa**.
30. Kita mesti jadikan KKR sebagai contoh kementerian yang rakyat percaya — bukan kerana apa yang kita katakan, tapi kerana apa yang rakyat nampak. Saya mahu lihat setiap daripada kita keluar dari dewan ini dengan tekad baharu —

**Untuk bekerja dengan lebih jujur, lebih pantas, lebih berani,
dan lebih ikhlas.**

31. Inilah semangat Malaysia MADANI. Inilah makna sebenar *Segulai Sejalai* — Kita jalan sama-sama, kita tanggung sama-sama dan kita bangun sama-sama.

Sekian, terima kasih.